

DATE: 15/6/2008

'Pengumuman Pak Lah tepat'

Kata sepakat dipersetujui PM dan Najib jamin peralihan kuasa berjalan lancar

BH - 15/6/2008

Oleh Mohd Azis Ngah

KUALA LUMPUR: Penjelasan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bahawa beliau sudah bermuafakat dan bersetuju dengan timbalannya mengenai masa terbaik melaksanakan peralihan kuasa melegakan banyak pihak serta menenangkan senario politik negara.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata tindakan itu adalah satu keputusan baik yang dilihat boleh melegakan keadaan daripada pelbagai aspek dan banyak pihak.

Naib Presiden Umno itu menjelaskan, pelbagai lapisan masyarakat sememangnya menunggu dan sentiasa mengikuti perkembangan mengenai isu peralihan kuasa dan penjelasan Perdana Menteri dianggap tepat pada masanya.

"Keadaan politik akan bertambah stabil kerana masyarakat sudah tahu keputusan Perdana Menteri. Ini satu keputusan baik dan melegakan, bukan saja kepada masyarakat tetapi kepada Umno dan Barisan Nasional (BN).

"Kita melihat ini sebagai satu ka-

edah berkesan iaitu kedua-duanya (Abdullah dan Datuk Seri Najib Razak) meletakkan kepentingan parti dan negara sebagai paling utama.

"Mereka mencapai keputusan melalui permuafakatan," katanya keti-



ka dihubungi *Berita Minggu*, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri meminta semua pihak tidak membuat sebarang spekulasi atau membangkitkan perkara itu kerana memang

“Keadaan politik akan bertambah stabil kerana masyarakat sudah tahu keputusan Perdana Menteri. Ini satu keputusan baik dan melegakan, bukan saja kepada masyarakat tetapi kepada Umno dan Barisan Nasional”

Mohd Ali Rustam
Naib Presiden Umno

sudah ada persetujuan antara beliau dan Najib serta tiada masalah antara mereka berdua.

Ketika menjelaskan isu itu di Kelantan, Abdullah berkata, apa yang penting ialah mereka berdua sentiasa bekerja untuk kemajuan negara serta memperkuat parti. Sehubungan itu, tidak perlu berlaku perbalahan kerana ia boleh menyebabkan mereka hilang semangat.

Ali berkata, Abdullah menunjukkan satu contoh yang baik kepada pemimpin iaitu mencapai kata sepakat melalui permuafakatan dan ia sudah pun diamalkan sebelum ini dan terbukti berkesan dalam mencari penyelesaian.

Sementara itu, Timbalan Presiden MCA, Datuk Seri Fong Chan Onn berkata, berikutan keputusan itu, mana-mana pihak tidak perlu lagi mempersoalkan keadaan politik negara kerana penjelasan Perdana Menteri sudah cukup jelas.

"Tidak perlu lagi persoalkan kestabilan politik BN kerana kita sudah melihat dengan jelas, Perdana Menteri sudah merangka satu jadual peralihan kuasa dan kita perlu tunggu ia dilaksanakan.

"Ketika ini BN memang banyak cabaran apabila kenaikan harga minyak sering dipersoalkan. Kita berusaha kuat menangani pelbagai isu yang timbul dan senario sekarang menjurus kepada memantapkan BN," katanya.

Naib Presiden MIC, Datuk S Verasingam, berkata ketika ini tidak perlu timbul soal bila peralihan kuasa akan dijalankan kerana Perdana Menteri sudah memberi jaminan beliau akan memberi laluan kepada pengganti apabila tiba masanya.

"Perdana Menteri jelas mementingkan parti dan negara. Pada masa sama bekerja kuat menangani pelbagai isu berkaitan termasuk soal peralihan kuasa.

"Kerjasama Perdana Menteri dengan timbalannya sangat penting dalam senario politik sekarang dan kini kita perlu berikan sokongan kuat kepada mereka untuk jalankan tugas negara," katanya.

Katanya, Abdullah tidak perlu dibiarkan bersendirian menangani masalah kenaikan harga minyak kerana ia adalah berkaitan pasaran global dan bukan hanya berlaku di Malaysia.